

05/03/2002

Rakyat mesti faham perlembagaan

Salbiah Ani

MAJLIS Wacana Ilmu Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah memberi gambaran perbincangan isu undang-undang boleh menarik perhatian orang biasa jika ia dibicarakan dalam bahasa Melayu mudah.

Justeru, tidak menghairankan apabila perbincangan selama hampir dua jam itu terasa begitu pantas berlalu dan khalayak wacana sesekali tergelak dengan penjelasan pengerusi mahupun ahli panel.

Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Shamsudin Suhor, menyifatkan buku Dr Abdul Aziz Bari memberi pendekatan baru cara melihat perlembagaan.

"Meskipun penulis menggunakan bahasa yang mudah difahami tetapi ia tetap meletakkan perlembagaan sebagai dokumen penting tubuh kerajaan dan bahagian dua buku ini tetap memerlukan pemikiran.

"Dr Abdul Aziz turut menyinggung 50 watak penting dalam bukunya tetapi beliau tidak menyatakan pendiriannya secara jelas dan membiarkan pembaca memuat penilaian sendiri," katanya.

Beliau adalah salah seorang ahli panel pada majlis Wacana Ilmu Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah yang berlangsung di Hotel Quality, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis anjuran Bahagian Sains Sosial dan Kemanusiaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dirasmikan Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, turut dihadiri Pengarah Jabatan Penerbitan DBP, Dr Anwar Ridhwan.

Buku Pensyarah Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) setebal 306 halaman (termasuk indeks) itu diterbitkan DBP dan dijual pada harga RM38 senaskhah.

Pensyarah Undang-Undang, Universiti Malaya (UM), Johan Shamsuddin Sabaruddin pula, menyifatkan buku itu berjaya mengisi ketandusan bahan bacaan mengenai perlembagaan Malaysia terutamanya dalam bahasa Melayu.

"Perlembagaan Malaysia untuk rakyat negara ini dan ia mesti difahami warganegara Malaysia dan kehadiran buku ini dalam bahasa Melayu memberi erti yang besar dalam konteks terbabit," katanya.

Justeru, pendekatan perlembagaan dan penekanan semangat perlembagaan dalam buku ini penting kerana penulisnya berjaya memberi yang tersirat sehingga perlembagaan tidak menjadi isu membosankan.

Hasrat penulis seperti yang terkandung dalam prakata iaitu untuk mengelak perlembagaan daripada menjadi suatu yang teknikal dan formalistik tercapai melalui kehadiran bukunya itu.

Nampaknya Johan bimbang dengan ketidakupayaan sebahagian besar masyarakat Malaysia untuk memahami maksud keluhuran undang-undang sekalipun ia acap kali disebut.

"Saya perhatikan sebahagian besar pendapat umum menunjukkan masyarakat negara ini kurang atau tidak ada langsung pengetahuan mengenai undang-undang sehingga adakalanya mencabar perlembagaan.

"Saya dapati orang politik juga tidak faham apa yang terkandung dalam perlembagaan dan ini sangat berbahaya kerana mereka tidak faham undang-undang yang mentadbir politik," katanya.

Bekas Pensyarah Kuliyah Undang-Undang UIAM, Salleh Buang, pula memberi beberapa cadangan kepada penulis buku berkenaan dalam usaha menjadikan karya itu lebih mantap.

Teguran itu sama ada perkara yang terlepas pandang oleh penulis atau perkara yang tersirat tetapi tidak dinyatakan penulis buku itu dalam Bab 7, Bab 25, Bab 5, Bab 24, Bab 10, Bab 11, Bab 15, Bab 18 mahupun Bab 23.

Nampaknya Salleh selaku tokoh veteran dalam bidang perundangan negara ini berpegang kepada pendirian perlembagaan mencerminkan transformasi bangsa dan perlembagaan sesebuah negara boleh berubah.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah mengisytiharkan Malaysia sebuah negara Islam pada satu persidangan antarabangsa dan ia sewajarnya disusuli tindakan bagi merealiti perkara itu.

"Dalam Perlembagaan Malaysia sebelum ini tidak tercatat bahawa Malaysia adalah negara Islam dan kenyataan Dr Mahathir memberi laluan tetapi pegawai undang-undang tidak melihat peluang itu," katanya.

Pandangan Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Datuk Faiza Tamby Chik Faiza selaku pengerusi majlis wacana juga menarik dan secara tidak langsung menjawab pelbagai tohmahan yang pernah dilemparkan kepada hakim negara ini terutamanya dalam beberapa isu penting sedekad lalu.

Malaysia didakwa masih mengamalkan dasar lebih telus dalam pelantikan hakim berbanding negara lain yang turut menggunakan sistem undang-undang sivil termasuk Amerika Syarikat.

Ketelusan Malaysia dikatakan mengatasi United Kingdom, Amerika Syarikat, India, Singapura, Kanada mahupun Brunei Darussalam dan pelantikan hakim di Malaysia masih berpandukan perlembagaan.

"Kita tidak jauh berbeza daripada orang lain dan kenapa kita mesti mencerca negara sendiri sedangkan kita tidak tahu apa yang orang lain buat. Hakim tidak membuat undang-undang sama ada ia baik atau buruk.

"Mereka bergantung kepada ahli parlimen yang tuan dan puan pilih. Jangan salahkan hakim dengan segala hukuman yang ada hari ini. Salahkan ahli dewan rakyat dan dewan undangan negeri," katanya.

Merah telinga dan terasa cukup tersindir apabila Faiza mengakhiri kenyataannya itu dengan ayat: "Jadi pilihlah ahli parlimen yang mengetahui dan memperjuangkan nasib kita".

Sementara itu, Datuk A Aziz ketika berucap merasmikan majlis itu mencadangkan perlembagaan negara dijadikan sebagai mata pelajaran khusus di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

"Setidak-tidaknya ia dijadikan sebagai mata pelajaran wajib kursus peringkat diploma atau ijazah pertama di pusat pengajian tinggi agar konsep perlembagaan ini dapat difahami di kalangan generasi muda.

"Tentunya ini juga membolehkan beberapa tonggak penting yang dikanunkan seperti institusi raja, Islam sebagai agama negara, kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan tidak akan dipertikaikan," katanya.

(END)